

Pengurusan
Sumber Alam
Secara Lestari

Penggunaan
Tenaga secara
efektif

Keberkesanan
Platform
Komunikasi

Pengurusan
maklumat yang
baik

Pengurusan Masa
yang cekap

Mengurus
perbelanjaan
secara berhikmah

Jaminan
Keselamatan
Pekerjaan

Pelaporan yang
cekap

eScientificNews

Pengurusan Dalam Norma Baharu

Oleh: Abdul Manap Mahmud

Cabaran dan perubahan *global* akan terus berlaku tanpa henti. Sama ada cabaran dan perubahan dunia akibat faktor-faktor manusia mahupun perubahan akibat faktor-faktor biotik dan fizikal. Cabaran dan perubahan itu pula sukar untuk diramal dan dihitung. Manakala kesan cabaran dan perubahan itu juga diluar jangkaan. Akibatnya respon terhadap cabaran dan perubahan itu juga berbeza-beza. Apa yang pasti, kehidupan akan melalui fenomena baharu yang dikenali sebagai *New Norm* (norma baharu). Iaitu “norma baharu” dalam kerangka berfikir dan skema tindakan dan seterusnya merubah landskap budaya dan amalan kehidupan.



Mesyuarat Akademik FSG UiTM Sabah Sept 2020

Justeru itu pengurusan dalam norma baharu adalah penting. Pengurusan dalam norma baharu harus mengambil kira pengurusan sumber alam secara lestari, penggunaan tenaga secara efektif, keberkesanan platform komunikasi, pengurusan maklumat yang baik, pengurusan masa yang cekap, mengurus perbelanjaan secara berhikmah, jaminan keselamatan pekerjaan dan pelaporan yang cekap. Memang platform digital akan menjadi medium pengurusan norma baharu namun sifat *karamah insaniah* seperti jujur, amanah, integriti harus terus dominan.

Pengurusan Sumber Alam

Oleh: Abdul Manap Mahmud

Pengurusan Sumber Alam di Sabah tertakluk kepada Enakmen Perlindungan Alam Sekitar (EPAS) 2002. EPAS 2002 itu secara komprehensif dan inklusif menyentuh tentang penjagaan dan pengawalan sumber air, sumber tanah, sumber flora, sumber fauna di negeri Sabah. EPAS 2002 ini juga sejajar dengan Akta Kualiti Alam Sekitar 1974. EPAS 2002 ini memperkukuhkan lagi enakmen dan ordinan yang berkaitan sebelumnya.

